CADANGAN KERJA-KERJA LANDSKAP BERMULA DARI PAPAN TANDA JALAN SG UJONG 70200 SEHINGGA KE TEBING-TEBING BUKIT KIRI & KANAN DI SEPANJANG JALAN SG UJONG, SEMPADAN SEREMBAN 2, SEMAPADAN SENDAYAN (PINTU GERBANG) SEREMBAN BAGI TEMPOH 2 TAHUN (24 BULAN), DI DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN





KERJA-KERJA PENGINDAHAN LANDSKAP

KONTRAKTOR :- SYAHEER DINAMIK INTERPRISE

HARGA PROJEK :- RM 345,653.60

TARIKH MILIK TAPAK :- 01 MARCH 2019

TARIKH SIAP KERJA :- 28 FEBRUARI 2021

TEMPOH KONTRAK :- 24 BULAN (2 TAHUN)






KERJA-KERJA HIASAN MINI LANDSKAP DI DALAM WISMA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

KERJA-KERJA PENGINDAHAN LANDSKAP

KONTRAKTOR :- IQ INDAH ENTERPRISE

HARGA PROJEK :- RM 19,994.00







KERJA-KERJA HIASAN MINI LANDSKAP DI DALAM WISMA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

KERJA-KERJA PENGINDAHAN LANDSKAP


KONTRAKTOR :- IQ INDAH ENTERPRISE

HARGA PROJEK :- RM 19,994.00





KERJA-KERJA MENAIKTARAF LANDSKAP DI PERKARANGAN LUAR PEJABAT DATUK BANDAR WISMA BANDARAYA SEREMBAN




KERJA-KERJA PENGINDAHAN LANDSKAP

KONTRAKTOR :- IQ INDAH ENTERPRISE

HARGA PROJEK :- RM 19,994.00













CADANGAN PENGINDAHAN DI KAWASAN TAMAN TASIK SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS BAGI TAHUN 2020

Disediakan oleh: Jabatan Taman Dan Landskap, Majlis Bandaraya Seremban

PAGE 1








seremban

BUNGA DALAM TAMAN

Menggunakan konsep **'Modern Batik Twirl'**, rekaan mural ini diinspirasikan oleh elemen corak batik moden yang berwarna warni sekaligus membawa pengaruh intipati Malaysia di kawasan Taman Tasik Seremban.

Daripada aspek pemilihan warna pula, warna-warna terang yang pelbagai disulami dengan motif flora menjadi pilihan pelukis yang mahukan sesuatu yang 'berani' di dalam mengekspresikan lukisan beliau kepada umum. Bulatan jalan raya yang dahulunya agak 'hambar' kini telah diperindahkan dengan kehadiran mural ini yang sememangnya menjadi tarikan sekilas pandang oleh para pengguna jalan raya di bulatan tersebut.

Projek ini telah disiapkan dalam tempoh 2 hari sahaja iaitu bermula dari 24 hingga 25 Oktober 2020 dan telah dilukis oleh saudara Mohd Amin bin Hadarih





JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN PELANCONGAN

Majlis Bandaraya Seremban

PIAGAM PELANGGAN

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN PELANCONGAN

PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
1. Kelulusan Tempahan Kemudahan Sukan	
i. Kompleks Sukan Paroi:	3 hari bekerja
a) Gelanggang Utama	
b) Gelanggang Serbaguna	
ii. Stadium Tuanku Abdul Rahman	3 hari bekerja
iii. Pusat Akuatik Negeri, Paroi	3 hari bekerja
iv. Stadium Hoki, Seremban 2	3 hari bekerja
v. Padang Bolasepak :-	3 hari bekerja
a) Padang NS	3 hari bekerja
b) Padang Rasah Jaya	3 hari bekerja
c) Padang Lobak	3 hari bekerja
d) Padang Bandar Baru Nilai	3 hari bekerja
e) Padang Rantau	3 hari bekerja
f) Padang Batu 8, Mantin	3 hari bekerja
A. **Pengurusan Komuniti**	
1. Program Kemasyarakatan (CSR, Sukan, Kebudayaan, dll)	1 program/
i. Menganjurkan program melibatkan masyarakat	setiap bulan

MAJLIS PERASMIAN TINGKAT ATAS PASAR BESAR SEREMBAN

1. Majlis Perasmian Tingkat Atas Pasar Besar Seremban telah diadakan pd 5.3.2020 (Khamis) jam 9.30 pg dan telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Menteri Besar Negeri Sembilan. Turut sama hadir Speaker Dewan Negeri, Exco-Exco Kerajaan dan Datuk Bandar MBS, Ybhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin.







PROGRAM KEMPEN DARAH MBS / SOKA GAKAI N.SEMBILAN 2020

1. Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS telah bekerjasama dengan Persatuan Soka Gakai Negeri Sembilan untuk sama-sama menjayakan Program Kempen Derma Darah 2020. Program ini begitu bermanfaat dalam usaha membantu memenuhi keperluan Tabung Darah Negara dan berjaya mendapatkan sejumlah kira-kira 200 orang penderma. Program ini berlangsung dengan jayanya pada 29 September 2020; mulai jam 09:00 pagi dan tamat pada jam 04:00 petang. Majlis perasmian program ini yang turut dihadiri oleh Ketua Jabatan, Pegawai dan Kakitangan MBS disamping dif kehormat yang lain telah disempurnakan oleh YBhg. Dato` Hj. Zazali Bin Salehudin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban.









PROGRAM MASYARAKAT PENYAYANG LA 21 MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN & PUSPANITA N.SEMBILAN BERSAMA PDK NURKASIH TMN. TUANKU JAAFAR

Program Masyarakat Penyayang Local Agenda 21 (LA 21) MBS telah dilaksanakan pada 23 Oktober 2020 (Jumaat) selepas beberapa kali penangguhan berikutan daripada isu Covid-19. Program ini akhirnya diteruskan tanpa sebarang majlis melibatkan apa-apa jemputan. Program ini dijalankan melalui lawatan singkat oleh YBhg. Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban dan seterusnya penyampaian sumbangan berupa barangan fisioterapi dan peralatan latihan serta kerja-kerja naiktaraf kepada bangunan PDK Nurkasih. Ulasan pengisian program tersebut adalah seperti berikut :

i. Bantuan Mengecat Ruang Dalaman Bangunan PDK

Kerja-kerja mengecat ruang dalam bangunan PDK Nurkasih telah dilaksanakan secara jabatan oleh Unit Selenggaraan Bangunan, MBS berikutan dari keadaan cat sedia ada yang telah kusam. Peruntukan pembelian perkakasan dan cat dibuat melalui peruntukan KPKT bernilai RM3000.00 dan peruntukan MBS berjumlah RM1875.00.





ii. Semak Dan Baikpulih Pendawaian Bangunan PDK

Kerja-kerja menyemak dan baikpulih pendawaian PDK Nurkasih telah dilaksanakan secara jabatan oleh Unit Eletrik, Majlis Bandaraya Seremban berikutan daripada masalah lintar pintas dan risiko kerosakan barangan eletrik yang dihadapi oleh pihak pengurusan PDK Nurkasih. Unit Eletrik, MBS juga turut mengambil inisiatif untuk memasang satu unit kipas siling yang baru.





iii. Bantuan Lanskap Semula Laman Bangunan PDK

Kerja-kerja mengemaskini semula lanskap laman bangunan PDK PDK Nurkasih telah dilaksanakan secara jabatan oleh Jab. Taman & Lanskap, MBS berikutan dari keadaan lanskap sedia ada yang suram.







iv. Sumbangan Alat Bantu Mengajar Dan Perkakasan Kesihatan

Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS telah menyampaikan sumbangan peralatan bantu mengajar dan perkakasan kesihatan (fisioterapi) kepada pihak PDK Nur Kasih meliputi perkara seperti berikut :

i. 2 unit trampolin








Trampoline (10`)	= RM1050.00
Trampoline (7.5`)	= RM680.00
Penghantaran & Pemasangan	= RM200.00
JUMLAH	= RM1930.00





Kerusi Roda (RM750.00 x 3 unit) = RM2250.00

ii. 10 unit bola senaman pelbagai jenis dan saiz









iii. Pelbagai barangan alat bantu mengajar



iv. 1 unit kipas angin (mist-fan)



v. goodies / sumbangan untuk pelatih PDK (25 unit)





MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA PDK NURKASIH, TMN. TUANKU JAAFAR



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Majlis Bandaraya Seremban

PIAGAM PELANGGAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BIL.	PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
1.	Memastikan maklumat berkenaan nombor aduan diberikan dalam tempoh 24 jam	24 jam
2.	Memastikan Aduan disalurkan kepada Jabatan dalam Tempoh 24 jam	24 jam
3.	Memastikan Jabatan memberikan maklumbalas mengenai status perlaksanaan tindakan ke atas aduan selewat-lewatnya dalam tempoh 15 hari daripada tarikh penerimaan aduan dan membuat susulan sehingga selesai	15 hari

UNIT KORPORAT DAN INOVASI

SENARAI PROGRAM YANG DIANJURKAN BAGI TAHUN 2020

BIL.	SENARAI PROGRAM	TARIKH
1.	KONVOI KEMBARA MUHIBAH @ MP JEMPOL	12 FEBRUARI 2020
2.	KUNJUNGAN HORMAT PRESIDEN CUEPACS MALAYSIA	5 MAC 2020
3.	BENGKEL PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN BAGI TAHUN 2021-2025	9-10 MAC 2020
4.	KUNJUNGAN MESRA DAN HORMAT PERSATUAN WARTAWAN AKHBAR NEGERI SEMBILAN	4 JUN 2020
5.	KUNJUNGAN HORMAT WAKIL UTUSAN MALAYSIA DAN KOSMO NEGERI SEMBILAN	8 JULAI 2020
6.	LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN) KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)	14 JULAI 2020
9.	SESI LIBAT URUS KETUA PENGARAH BIRO PENGADUAN AWAM	13 OKTOBER 2020

KONVOI KEMBARA MUHIBAH @ MP JEMPOL









Majlis Perbandaran Jempol telah mengadakan Konvoi Kembara Muhibah pada 12 Februari 2020 ke Majlis Bandaraya Seremban bersempena dengan ulang tahun Majlis Perbandaran Jempol yang pertama. Konvoi ini disertai seramai 30 orang peserta yang menaiki motorsikal dan diketuai oleh YM Raja Norazli bin Raja Nordin iaitu Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jempol.







KUNJUNGAN HORMAT PRESIDEN CUEPACS MALAYSIA





Satu kunjungan hormat oleh Kol. Bersekutu (PA) Haji Adnan bin Mat Presiden CUEPACS dan barisan pegawai tertinggi CUEPACS Negeri Sembilan ke atas YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan di Bilik Dato' Klana Petra, Wisma MBS. Turut hadir dalam Kunjungan Hormat tersebut ialah Encik Mas Midyawan bin Yahya Setiausaha MBS, ketua jabatan dan ketua unit.









BENGKEL PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN BAGI TAHUN 2021 - 2025



Satu bengkel Penyediaan Pelan Strategik Majlis Bandaraya Seremban bagi Tahun 2020-2025 telah dilaksanakan pada 9 dan 10 Mac 2020. Bengkel ini telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam penyediaan Pelan Strategik Majlis Bandaraya Seremban. Encik Elanggolan Bala Subramaniam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah dijemput sebagai penceramah untuk membimbing dan memberi tunjuk ajar dalam penyediaan Pelan Strategik ini.











KUNJUNGAN MESRA DAN HORMAT PERSATUAN AKHBAR NEGERI SEMBILAN



Kunjungan mesra dan hormat dari Persatuan Wartawan Akhbar Negeri Sembilan telah diadakan pada 4 Jun 2020. Persatuan Wartawan Akbar Cina telah hadir untuk memperkenalkan diri dan beramah mesra dengan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban. Persatuan tersebut terdiri daripada akhbar-akhbar cina iaitu China Press, Sin Chew Daily, Nan Nyang Siang Pau dan sebagainya. Hadir sama ialah Encik Mas Midyawan Bin Yahya Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban, Encik Alias bin Mansor Ketua Unit Komunikaso Korporat, Encik Hanizam bin Ahmad Pengarah Undang- Undang dan Penguatkuasaan, pegawai dan kakitangan MBS.





KUNJUNGAN HORMAT WAKIL UTUSAN MALAYSIA DAN KOSMO NEGERI SEMBILAN





Kunjungan Hormat oleh Wakil Utusan Malaysia dan Kosmo Negeri Sembilan Ke Atas YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban bertempat di Pejabat Datuk Bandar, Wisma MBS. Turut bersama dalam Kunjungan Hormat ini ialah Encik Mas Midyawan bin Yahya Setiausaha MBS, En. Alias bin Mansor Ketua Unit Komunikasi Korporat dan pegawai MBS.




LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN) KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN (KPKT)





YBrs. Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Bandaraya Seremban pada 14 Julai 2020 dan disambut oleh YBhg Dato' Haji Zazali bin Salehudin Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban. Lawatan ini adalah untuk melihat perkembangan projek baikpulih di bawah Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) & Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020 yang diluluskan di kawasan Majlis Bandaraya Seremban. YBrs. Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah dan rombongan telah diberi taklimat serta lawatan tapak di lokasi seperti berikut iaitu Rumah Pangsa Taman Lily, Senawang, Rumah Pangsa Taman Ixora Seremban 2 dan Rumah Pangsa Cempaka Fasa 1 & 2, Seremban 2. Hadir sama pada lawatan ini juga ialah Encik Mas Midyawan bin Yahya Setiausaha MBS serta pegawai - pegawai dan kakitangan MBS









SESI LIBAT URUS KETUA PENGARAH BIRO PENGADUAN AWAM





Majlis Bandaraya Seremban pada 14 Oktober 2020 telah menerima lawatan sesi libat urus oleh YBhg Datuk Harjeet Singh Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam dan disambut oleh YBhg Dato' Haji Zazali bin Salehudin Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban. YBhg Datuk Harjeet Singh turut melakukan lawatan ke kaunter perkhidmatan MBS, jabatan dalaman MBS dan juga melakukan pemantauan aduan di Pusat Jualan Dan Servis Toyota di Nilai Perdana, Nilai. Hadir sama pada lawatan ini ialah Tuan Mas Midyawan bin Yahya Setiausaha MBS, En Mohd Shahril bin Harun Pengarah BPA Negeri Sembilan/Melaka, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai dan kakitangan MBS.









STATISTIK ADUAN TAHUN 2020



Berikut adalah statistik aduan bagi tahun 2020. Berdasarkan carta pie diatas, jumlah aduan yang tinggi adalah Jabatan Undang- Undang dan Penguatkuasaan, Jabatan Perlesenan dan Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kejuruteraan, dan Jabatan Taman dan Landskap. Aduan tersebut kebiasaannya berkaitan dengan kacau ganggu, penjaja tepi jalan tidak berlesen, kerosakan jalan, pokok tumbang dan sebagainya. Aduan-aduan yang diterima daripada orang awam melalui sistem SISPAA atau panggilan telefon akan dipanjangkan kepada jabatan- jabatan yang berkaitan untuk diambil tindakan.

PELAPORAN AKTIVITI TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN BULAN PELAPORAN : JANUARI 2020

BIL	KAWASAN	ISU / PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK / SEDERHANA / PANJANG)	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
1.	Taman Sri Pulai, Sikamat	Keretakan 4 Unit Rumah Disebabkan Oleh Projek Pembinaan Perumahan Yang Berhampiran Jenis Kerosakan Adalah Seperti Berikut :- a) Korekan tanah yang tidak diratakan semula di belakang rumah b) Keretakan pada tembok pagar belakang rumah c) Keretakan pada dinding hadapan rumah di tingkat satu d) Keretakan pada penjuru dinding dan siling setiap bilik dan ruang tingkat satu e) Bumbung konkrit mengalami keretakan dan bocor di dalam bilik hadapan tingkat satu f) Daun pintu mengalami geseran pada lantai, sukar ditutup rapat g) Longkang di belakang rumah tidak dapat mengalir keluar	Kerja – Kerja Baikpulih Akan Disiapkan Pada Penghujung Bulan Mac 2020	Ditanggung Oleh Pihak Pemaju Enghan Properties Sdn. Bhd.)	
2.	Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi	Kerosakkan 4 Unit Penghawa Dingin Di Bilik VVIP	Kerja - Kerja Baikpulih Telah Siap Dilakukan Pada 11 Februari 2020	RM16,000.00	
3.	Stadium Hoki, Seremban 2	a) Membaiki *Score Board* ***(RM500,000.00)*** b) Membaiki Lampu Limpah **(RM2.0 Juta)** c) Membaiki Padang (Turf) **(RM500,000.00)** d) Membaiki bumbung stadium	12 Bulan	RM3.0 Juta	

PELAPORAN BERGAMBAR AKTIVITI TURUN PADANG

TAMAN SRI PULAI, SIKAMAT







STADIUM TUANKU ABDUL RAHMAN, PAROI
(BILIK VVIP)











STADIUM HOKI, SEREMBAN 2











PELAPORAN AKTIVITI TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
BULAN PELAPORAN : FEBRUARI 2020

BIL	KAWASAN	ISU / PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK / SEDERHANA / PANJANG)	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
1.	Cadangan Jalan Masuk ke Tapak Perkuburan Islam Batang Benar, Nilai	1. Isu jalan keluar-masuk ke tapak perkuburan Islam Nilai yang telah lama tertangguh. 2. Pihak Jabatan (Jabatan Perancangan Pembangunan, Pejabat Daerah dan Tanah Seremban, Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sembilan) telah memutuskan untuk menggunakan laluan cadangan 1 iaitu melalui jalan Pajam. Namun laluan ini perlu membuat pengambilan balik tanah yang melibatkan kos sehingga RM 634,000.00	• Cadangan Jalan 1: Melalui Jalan Masuk Pajam • Cadangan Jalan 2: Melalui Jalan Kuari Batang Benar • Hasil perbincangan lawatan tapak yang diketuai oleh Datuk Bandar yang telah diadakan pada 27 Februari 2020 bersama PTD, JPBD, JHEAINS, pihak pemaju dan agensi teknikal dalaman. Telah memutuskan untuk menggunakan cadangan jalan 2 sebagai jalan masuk utama. Manakala cadangan jalan 1 adalah sebagai • pembangunan akan datang yang akan dibangunkan kelak. Segala kos pembinaan jalan dan kemudahan infrastruktur akan ditanggung oleh pihak pemaju.	Kos ditanggung oleh pihak pemaju Putra Nilai Development Sdn. Bhd.	

BIL	KAWASAN	ISU / PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK / SEDERHANA / PANJANG)	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
2.	Tapak Cadangan Stesen ECRL di Nilai 3	Cadangan jajaran ECRL Seksyen C akan melalui kawasan Lenggeng dan Nilai ini akan mempunyai stesen penumpang di Nilai. Stesen ini akan menyediakan stesen pertukaran dengan laluan KTM. Cadangan Stesen Nilai ini adalah di kawasan Perindustrian Arab Malaysian.	Lawatan tersebut adalah bagi mengenalpasti lokasi yang telah dicadangkan oleh pihak ECRL serta melihat kesesuaian tapak.	Kos ditanggung oleh pihak Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRLSB)	
3.	Cadangan pembangunan di Tapak Penyewaan Tanah oleh Carpet Prima Sdn. Bhd. di Nilai 3	Cadangan bagi menyewakan rezab tanah kerajaan kepada Carpet Prima. Terdapat empat lot yang terlibat iaitu 17260 (Kawasan Lapang), 17262 (TLK), 17263 (Dewan), 17264 (Surau) seluas lebihkurang 29,510 meter persegi.	• Pihak Majlis telah memohon kepada Kerajaan Negeri Sembilan untuk memberikan pemilikan tanah kerajaan ke atas Majlis Perbandaran Nilai pada 2019. • Pihak majlis telah mendapat kelulusan hakmilik tanah tersebut pada 10 Julai 2019.	• Kos Juru ukur = RM 21,607.04 • Bayaran Cukai Tanah = RM 12,100.00 • Bayaran Premium = RM 4,000.00 ***Telah selesai Dibayar oleh Majlis Bandaraya Seremban***	

BIL	KAWASAN	ISU / PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK / SEDERHANA / PANJANG)	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
4.	Pembinaan Menara Telekomunikasi dalam Rizab tangki air SAINS Hill Park yang berhampiran Saujana Duta, S2 Height, Seremban.	Bantahan penduduk-penduduk Taman Saujana Duta ke atas pembinaan struktur pemancar telekomunikasi yang telah dibina oleh pihak Konsortium Jaringan Selangor Sdn Bhd (KJS) tanpa kelulusan Majlis Bandaraya Seremban	Lawatan Datuk Bandar bersama YB Puan Nicole Tan Lee Koon (ADUN Bukit Kepayang), wakil Konsortium Jaringan Selangor Sdn Bhd (KJS) dan penduduk Saujana Duta di tapak Rizab tangki air SAINS Hill Park pada 06.02.2020 dan keputusan bersama telah dicapai supaya struktur dirobohkan dalam masa 7 hari. Surat arahan meroboh dikeluarkan kepada KJS bertarikh 07.02.2020 dan struktur telah dirobohkan oleh KJS dalam tempoh masa ditetapkan oleh Majlis.	Kos perobohan struktur ditanggung oleh pihak Konsortium Jaringan Selangor Sdn Bhd.	
5.	Projek menaiktaraf Laman Basikal dan Taman Malaysia, Seremban	Kerja - kerja pembaikan dan menaiktaraf masih lagi dalam proses dan dijangka siap sepenuhnya pada 19 Mac 2020	Peruntukkan daripada KPKT sebanyak RM 600,000.00	RM593,630.00	

PELAPORAN BERGAMBAR AKTIVITI TURUN PADANG

Tapak Perkuburan Islam Batang Benar, Nilai









Tapak Cadangan Stesen ECRL di Nilai 3









Tapak Penyewaan Tanah oleh Carpet Prima di Nilai 3










Pembinaan menara telekomunikasi rizab tangki air SAINS Hill Park yang berhampiran Saujana Duta, S2 Height, Seremban.











SEBELUM

SELEPAS

PELAPORAN AKTIVITI TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
BULAN PELAPORAN : MAC 2020

BIL	KAWASAN	ISU / PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK/ SEDERHANA/ PANJANG	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
1.	Pasar Ampangan	Penularan Wabak Covid-19	• Meninjau operasi pemeriksaan suhu dan pematuhan pemakaian PPE • Memastikan peniaga dan pengunjung yang masuk dalam keadaan sihat (Tidak Bergejala) • Memastikan peniaga dan pengunjung mematuhi arahan waktu operasi	-	-
2.	Tanah persendirian bersebelahan Loji Rawatan Air Ngoi Ngoi	Pemantauan Kerja Pemadaman Kebakaran Tapak Pelupusan Sampah Haram Kg Ngoi Ngoi, Pantai	• Pemadaman kebakaran oleh anggota BOMBA bermula 18/03/2020 • Dibantu Excavator Kontraktor • IP pendakwaan oleh SWCorp kepada pemilik • Pemantauan oleh PPK SWCorp	-	-

BIL	KAWASAN	ISU / PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK/ SEDERHANA/ PANJANG	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
3.	Coca – Cola Bottlers Malaysia Sdn. Bhd., Pusat Komersial Oakland, Seremban 2	Menjalankan Perniagaan Simpanan Air (Gudang) Tanpa Lesen	Notis kompaun telah dikeluarkan	-	-
4.	Sekitar Senawang	Operasi Sanitasi Nyahkuman	Operasi Sanitasi Nyahkuman di kawasan Senawang	-	-

PELAPORAN BERGAMBAR AKTIVITI TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
BULAN PELAPORAN : MAC 2020

1. Lawatan Datuk Bandar Pasar Ampangan





2. Pemantauan Kerja Pemadaman Kebakaran Tapak Pelupusan Sampah Haram Kg Ngoi Ngoi, Pantai








3. Menjalankan Perniagaan Simpanan Air (Gudang) Tanpa Lesen





NOTIS PEMBERITAHUAN KESALAHAN

KOD HASIL
76501

NO.NOTIS KESALAHAN
H95000059955

Kepada,
COCO COLA BOTTLERS MALAYSIA SDN BHD
SHAHRUL NIZAM BIN ABDULLAH(711023-01-5127)
NO 1 JALAN HARUAN 2
OAKLAND COMMERCIAL CENTER
70200 SEREMBAN NEGERI SEMBILAN

Tuan / Puan,
Dimaklumkan bahawa tuan/puan didapati telah melakukan kesalahan butir-butirnya adalah seperti berikut:

Tarikh : 25-03-2020 Waktu : 10:40 AM
Tempat : DI DALAM PREMIS,MEDAN PERNIAGAAN OAKLAND,SERE 2
Kesalahan : UUK3
UUK Perlesenan Tred 1996
Butir Kesalahan : MENJALANKAN PERNIAGAAN SIMPANAN AIR (GUDANG)TANPA LESEN

Cara Penyerahan : DENGAN TANGAN
Dikeluarkan oleh: PK(0064) Saksi : PK(1110)
b.p.Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Seremban
Bertarikh : 25-03-2020
Jabatan : 0500 - PENGUATKUASAAN (SERE

Kesalahan ini boleh dikenakan tindakan mahkamah. Sekiranya tuan/puan ada apa-apa kemusykilan, sila temui pegawai di Tingkat 1 Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan, Majlis Bandaraya Seremban, Wisma MBS, Persiaran Forest Heights 1,Jalan Seremban-Tampin,70450,Seremban, Negeri Sembilan dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan. Tuan/puan juga boleh menghubungi talian 06-7654668/4567 atau layari www.mbs.gov.my.

Saya yang menurut perintah,

4. Operasi Sanitasi Nyahkuman





PELAPORAN AKTIVITI TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
BULAN PELAPORAN : APRIL 2020

BIL	KAWASAN	ISU / PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK/ SEDERHANA/ PANJANG	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
1.	Perhentian Bas a) Jalan Persiaran Korporat = 7 buah b) Jalan Persiaran Perdana	Disinfeksi Kawalan Novel Coronavirus Covid -19	1. Mencegah penularan jangkitan Covid-19 2. Semburan disinfeksi permukaan. 3. Mengurangkan risiko penyebaran virus		-

2.	1. Pejabat MBS 2. Cawangan Nilai 1. Pasar Awam, Taman Semarak 2. Pasar Mini Bina Sejahtera Maju Garden Home, Seremban 2 pasaraya Jusco, Seremban 2	Kawalan Novel Coronavirus Covid -19	1. Petugas pejabat di Cawangan Nilai . Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran, Jabatan Taman dan Landskap, Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasa serta Jabatan Kejuruteran 2. Aktiviti semakan suhu badan dan kawalan pengunjung Pasar Awam, Taman Semarak 3. . Pemeriksaan Pematuhan Arahan di Premis Perniagaan:- - Family Store,Garden Home, Seremban 2 - Pasaraya Jusco Seremban 2		

BIL	KAWASAN	ISU / PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK/ SEDERHANA/ PANJANG	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
3.	Pusat Perlindungan Sementara Gelandangan, Dewan Orang Ramai Taman Tasik Jaya	Lawatan Datuk Bandar Ke Pusat Perlindungan Sementara Gelandangan, Dewan Orang Ramai Tasik Jaya	1. Lawatan Datuk Bandar ke Pusat Perlindungan Sementara Gelandangan bagi melihat keadaan pusat perlindungan tersebut. 2. Penyerahan bantuan (face mask) dan glove untuk kegunaan gelandangan.	-	-
4.	Rumah Kedai Taman Pinggiran Golf	Lawatan Datuk Bandar Ke Operasi Sanitasi Nyah Covid-19	Datuk Bandar dan Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban turun padang meninjau kawasan rumah kedai di Taman Pinggiran Golf bagi operasi sanitasi nyah Covid-19.		
5.	Kawasan Perniagaan (Rumah Kedai) di Kawasan Ampangan mulai Taman Pinggiran Golf hingga Kg Panchur - 14 buah taman	Disinfeksi Kawalan Novel Coronavirus Covid -19 Oleh Jabatan Pembersihan Dan Kesihatan Persekitaran,MBS	1. Mencegah penularan jangkitan Covid-19 2. Semburan disinfeksi permukaan 3. Mengurangkan risiko penyebaran virus		

BIL	KAWASAN	ISU / PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK/ SEDERHANA/ PANJANG	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
6.	1)12 buah perhentian bas di Jalan Kuala Pilah 2) Pasar Rantau 3)Pasar Seremban Jaya 4) Pasar Besar Seremban	Disinfeksi Kawalan Novel Coronavirus Covid -19 Oleh Jabatan Pembersihan Dan Kesihatan Persekitaran,MBS	1. Mencegah penularan jangkitan Covid-19 2. Semburan disinfeksi permukaan 3. Mengurangkan risiko penyebaran virus	-	-
7	1. Nilai Perdana 2. Desa Cempaka 3. Desa Melati 4. Desa Anggerik 5. Laman Azlea Nilai	Operasi Bersepadu Nyah Cemar Bersama Bomba Oleh Jabatan Undang-Undang Dan Penguatkuasaan, MBS	1. Semburan nyah cemar di kawasan yang telah ditetapkan oleh PKD.		

PELAPORAN AKTIVITI TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
BULAN PELAPORAN : APRIL 2020

1. Disinfeksi Kawalan Novel Coronavirus Covid -19





2. **Sesi Turun Padang Datuk Bandar MBS**







3. **Lawatan Datuk Bandar Ke Pusat Perlindungan Sementara Gelandangan, Dewan Orang Ramai Tasik Jaya**







4. Lawatan Datuk Bandar Ke Operasi Sanitasi Nyah Covid-19



5. Disinfeksi Kawalan Novel Coronavirus Covid -19 Oleh Jabatan Pembersihan Dan Kesihatan Persekitaran, MBS







6. Disinfeksi Kawalan Novel Coronavirus Covid -19 Oleh Jabatan Pembersihan Dan Kesihatan Persekitaran, MBS





7. Operasi Bersepadu Nyah Cemar Bersama Bomba Oleh Jabatan Undang-Undang Dan Penguatkuasaan, MBS







PELAPORAN AKTIVITI TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
BULAN PELAPORAN : MEI 2020

BIL	KAWASAN	ISU / PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK/ SEDERHANA/ PANJANG	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
1.	Dataran Senawang	Lawatan tapak cadangan penjaja	Cadangan tapak penjaja di sekitar Dataran Senawang	-	Lawatan tapak bersama YAB Menteri Besar Negeri Sembilan
2.	Hadapan Pasaraya Zeemart Sikamat	Lawatan tapak cadangan penjaja	Cadangan tapak penjaja di hadapan Pasaraya Zeemart Sikamat	-	Lawatan tapak bersama YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

PELAPORAN AKTIVITI TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
BULAN PELAPORAN : MEI 2020

Lawatan tapak cadangan penjaja di Dataran Senawang







Lawatan tapak cadangan penjaja di Hadapan Pasaraya Zeemart Sikamat







PELAPORAN AKTIVITI TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
BULAN PELAPORAN : JUN 2020

BIL	KAWASAN	ISU/ PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK/ SEDERHANA/ PANJANG	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
1.	Tapak Tanah Perkuburan Seremban 2 (S2 Height)	Tapak Perkuburan baru di S2 Height	Pemaju S2 Height akan menyediakan infrastruktur bagi tapak perkuburan	Kos ditanggung sepenuhnya oleh pemaju S2 Height	-
2.	Tapak Penempatan Penjaja Garden Avenue, Seremban 2	- Keadaan penjaja tidak teratur - Menyebabkan kesesakan lalulintas dan bahaya di kawasan tersebut - Penjaja meninggalkan barang berniaga di lokasi perniagaan dan mencacatkan pemandangan	- Pentadbiran MBS telah menyediakan petak untuk memindahkan penjaja di tempat yang dikhaskan - Sebanyak 6 lokasi telah disediakan untuk penjaja di sekitar Seremban 2 - Lokasi tapak diturap agar nampak lebih teratur dan tersusun	35,000.00	Jumlah petak = 62 Bil. Permohonan = 17 Telah diisi = 0 Calon simpanan = 23

PELAPORAN AKTIVITI TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
BULAN PELAPORAN : JUN 2020



Tapak Tanah Perkuburan Seremban 2 (S2 Height)





Tapak Penempatan Penjaja Garden Avenue, Seremban 2



PELAPORAN AKTIVITI TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
BULAN PELAPORAN : JULAI 2020

BIL.	TARIKH LAWATAN	TEMPOH LAWATAN	KAWASAN	ISU / PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK / SEDERHANA / PANJANG)	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
1.	2.7.2020	Mula : 8.00 Pagi Tamat : 11.00 Pagi Jumlah Jam : 3	Tabika KEMAS Kampung Paroi	Tapak Tabika KEMAS Kampung Paroi	Pihak KEMAS bercadang untuk membeli tapak tersebut daripada pihak MBS	-	-
2.	2.7.2020	Mula : 2.30 Petang Tamat : 4.30 Petang Jumlah Jam :	Kolam Renang Awam dan Pusat Akuatik Paroi	Melihat persiapan pembukaan semula Kolam Renang Awam dan Pusat Akuatik Paroi, Seremban	1. Mengamalkan penjarakan fizikal 2. Mengadakan pemeriksaan suhu di pintu masuk 3. Menyediakan *Hand Sanitizer* 4. Menyediakan jadual penggunaan kolam renang	MBS	-
3.	7.7.2020	Mula : 3.00 Petang Tamat : 4.00 Petang Jumlah Jam : 1	Sekitar Sungai Temiang Seremban	Mengenalpasti punca-punca pencemaran Sungai Temiang yang disyaki daripada aktiviti pasar	Tiada sampah sarap di dalam Sungai Temiang	-	-

BIL.	TARIKH LAWATAN	TEMPOH LAWATAN	KAWASAN	ISU / PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK / SEDERHANA / PANJANG)	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
4.	9.7.2020	Mula : 11.00 Pagi Tamat : 12.00 Tengahari Jumlah Jam : 1	Kampung Bukit Temiang	Keruntuhan tanah berhampiran perumahan setinggan di Kampung Bukit Temiang	Anggaran harga pembaikan telah dikemukakan kepada Pejabat Daerah Seremban untuk dipohon peruntukan MAARIS sebanyak RM 250,000.00	RM250,000.00 (Peruntukan MAARIS)	-
5.	11.7.2020	Mula : 7.30 Pagi Tamat : 11.30 Pagi Jumlah Jam : 4	Taman Malaysia dan Laman Basikal Seremban	Bagi melihat kemudahan-kemudahan yang perlu ditambahbaik	Pihak JTL telah melaksanakan kerja-kerja cantasan pokok merbahaya di dalam kawasan Taman Malaysia dan di sepanjang jalan utama ke arah Taman Malaysia dan Laman Basikal	MBS	-

PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

TAPAK TABIKA KEMAS KAMPUNG PAROI






PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



MELIHAT PERSIAPAN PEMBUKAAN SEMULA KOLAM RENANG AWAM DAN PUSAT AKUATIK PAROI, SEREMBAN



PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

LAWATAN SEKITAR SUNGAI TEMIANG, SEREMBAN





PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

LAWATAN KE KAMPUNG BUKIT TEMIANG





PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

LAWATAN KE TAMAN MALAYSIA DAN LAMAN BASIKAL SEREMBAN





PELAPORAN AKTIVITI TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
BULAN PELAPORAN : OGOS 2020

BIL	TARIKH LAWATAN	TEMPOH LAWATAN	KAWASAN	ISU PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK / SEDERHANA / PANJANG)	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
1.	15.8.2020	Mula : 9.00 Pagi Tamat : 11.00 Pagi Jumlah Jam : 2	Seremban Gateway dan Hospital KPJ, Seremban	Cadangan tapak letak kereta Seremban Gateway dan Hospital KPJ, Seremban	Jangka masa pendek, YBhg Datuk Bandar meminta berjumpa dengan pihak MBI berkaitan sewaan tapak tempat letak kereta tersebut.	-	
2.	15.8.2020	Mula : 11.00 Pagi Tamat 1.00 Tengahari Jumlah Jam : 2	Kampung Baru Mambau	Kerja-kerja menaiktaraf kemudahan riadah di Kampung Baru Mambau.	Pihak Majlis akan memohon peruntukan kepada Pejabat Pembangunan Negeri	120,000.00	
3.	6.8.2020	Mula : 2.30 Petang Tamat 3.00 Petang Jumlah Jam : 1	Pasar Awam Rasah Jaya	Aduan awam mengenai pokok berada di atas bangunan.	Tindakan telah diambil oleh Majlis	MBS	
4.	6.8.2020	Mula : 3.00 Petang Tamat : 6.00 Petang Jumlah Jam : 3	Sikamat	Aduan awam mengenai pokok	Tindakan telah diambil oleh Majlis	MBS	
5.	30.8.2020	Mula : 9.00 Malam Tamat 11.00 Malam Jumlah Jam : 2	Dataran Senawang	Datuk Bandar melihat persiapan untuk Majlis Penyerahan Sumbangan Bantuan Penjaja Setempat	Pihak Majlis telah menyediakan sebanyak 48 jumlah petak di Tapak Penjaja Setempat di Dataran Senawang.	MBS	

PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

LAWATAN KE TAPAK LETAK KERETA SEREMBAN GATEWAY DAN HOSPITAL KPJ, SEREMBAN





PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

LAWATAN KE KAMPUNG BARU MAMBAU





PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

LAWATAN KE PASAR AWAM RASAH JAYA





PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

LAWATAN KE SEKITAR SIKAMAT





PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

LAWATAN KE DATARAN SENAWANG





PELAPORAN AKTIVITI TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
BULAN PELAPORAN : SEPTEMBER 2020

BIL.	TARIKH LAWATAN	TEMPOH LAWATAN	KAWASAN	ISU / PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK / SEDERHANA / PANJANG)	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
1.	**5.9.2020**	Mula : 9.00 Pagi Tamat : 10.00 Pagi Jumlah Jam : 1	Taman Tuanku Jaafar, Senawang	Cadangan pembinaan Pusat Komuniti Taman Tuanku Jaafar Fasa 4,5 dan 6.	Melihat lokasi dan akan membuat semakan lokasi yang dicadangkan	-	-
2.	**5.9.2020**	Mula : 10.30 Pagi Tamat : 11.00 Pagi Jumlah Jam : 1	Taman Tuanku Jaafar, Senawang	Cadangan Dewan Komuniti Taman Tuanku Jaafar Fasa 1.	Meninjau lokasi dan mengkaji semula permohonan tapak gerai komuniti yang dipohon	-	-
3.	**5.9.2020**	Mula : 11.00 Petang Tamat : 12.00 Tengahari Jumlah Jam : 1	Taman Angsamas, Mambau	Cadangan tapak Pusat Penjaja Setempat	Tapak ini disediakan oleh Negeri Roadstone secara CSR dan dijangka siap pada Disember 2020	-	-

PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

CADANGAN PEMBINAAN PUSAT KOMUNITI TAMAN TUANKU JAAFAR FASA 4,5 DAN 6.





PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

CADANGAN DEWAN KOMUNITI TAMAN TUANKU JAAFAR FASA 1





PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

CADANGAN TAPAK PUSAT PENJAJA SETEMPAT DI TAMAN ANGSAMAS, MAMBAU





PELAPORAN AKTIVITI TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
BULAN PELAPORAN : OKTOBER 2020

BIL.	TARIKH LAWATAN	TEMPOH LAWATAN	KAWASAN	ISU / PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK / SEDERHANA / PANJANG)	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
1.	**7.10.2020**	Mula : 3.00 Petang Tamat : 6.00 Petang Jumlah Jam : 3	Jalan Lengkuk Emas, Kawasan Perindustrian Nilai 3	Pemantauan aduan berkaitan longgokan sisa pepejal terkawal dan sisa pepejal berjadual	Pihak SWCorp akan menyelesaikan masalah sisa longgok dan sisa haram di bahu jalan agar lokasi tersebut menjadi lebih bersih	-	-
2.	**8.10.2020**	Mula : 3.00 Petang Tamat : 4.00 Petang Jumlah Jam : 1	Kawasan Perindustrian Nilai 2.	Memantau kerja-kerja pembersihan yang perlu dipertingkatkan oleh pihak konsesi di kawasan terbabit			**JPKP**
3.	**10.10.2020**	Mula : 9.00 Pagi Tamat : 10.00 Pagi Jumlah Jam : 1	Tapak Tanah Perkuburan Islam Bandar Ainsdale	Penyediaan infras-truktur dan petak lot kubur	Rekabentuk pelan infrastruktur telah siap dan *lay out* tapak kubur		**JKJ**

PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

PEMANTAUAN ADUAN BERKAITAN LONGGOKAN SISA PEPEJAL TERKAWAL DAN SISA PEPEJAL BERJADUAL







PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

MEMANTAU KERJA-KERJA PEMBERSIHAN YANG PERLU DIPERTINGKATKAN OLEH PIHAK KONSESI DI KAWASAN TERBABIT





PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

TAPAK TANAH PERKUBURAN ISLAM BANDAR AINSDALE







PELAPORAN AKTIVITI TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
BULAN PELAPORAN : NOVEMBER 2020

BIL.	TARIKH LAWATAN	TEMPOH LAWATAN	KAWASAN	ISU / PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK / SEDERHANA / PANJANG)	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
1.	3.11.2020	Mula : Tamat : Jumlah Jam :	Kawasan Perindustrian, Bandar Seri Sendayan	Cadangan tapak pembangunan sukan permotoran	Selepas sesi turun padang bersama Ybhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin Datuk Bandar MBS, Tuan Ho Kong Soon, Pengarah Urusan Kumpulan Matrix Concepts, Ketua Jabatan dan pegawai Majlis di Jalan Tech Valley 3A/2, Kawasan Perindustrian Bandar Sri Sendayan, satu kertas kerja telah dihantar kepada Unit Kerajaan Tempatan untuk dibentangkan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi mendapat kelulusan berkaitan penyediaan tapak dan pihak yang bertanggungjawab ke atas perkara yang berkaitan pada 04 November 2020.	-	-

PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

CADANGAN TAPAK PEMBANGUNAN SUKAN PERMOTORAN





PELAPORAN AKTIVITI TURUN PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
BULAN PELAPORAN : DISEMBER 2020

BIL.	TARIKH LAWATAN	TEMPOH LAWATAN	KAWASAN	ISU / PERMASALAHAN	TINDAKAN PENYELESAIAN (JANGKA MASA PENDEK / SEDERHANA / PANJANG)	KOS TERLIBAT (RM)	CATATAN
1.	9.12.2020	Mula : 11.00 pagi Tamat : 1 petang Jumlah Jam : 2	Medan Tiara Biz, Sendayan	Cadangan membina gerai oleh pihak pemaju Matrix Concepts Holding Bhd.	Medan ini memiliki 12 unit gerai dan telah siap sepenuhnya dan telah diserahkan kepada Majlis.	RM1 Juta	Projek ini dibiayai sepenuhnya oleh Matrix Concepts Holdings Bhd, Pemaju Bandar Sri Sendayan
2.	21.12.2020	Mula : 8.30pagi Tamat : 10.30 malam Jumlah Jam : 2	Dataran Nilai	Cadangan pembinaan skrin LED di Dataran Nilai	Pembinaan skrin LED telah siap. Ini adalah bertujuan sebagai hebahan dan paparan informasi Kerajaan Negeri Sembilan dan Majlis Bandaraya Seremban	366,034.00	Peruntukan Unit Perancang Ekonomi (UPEN)

PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

CADANGAN MEMBINA GERAI OLEH PIHAK PEMAJU MATRIX CONCEPTS HOLDING BHD.





PELAPORAN BERGAMBAR TURUN PADANG
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

CADANGAN PEMBINAAN SKRIN LED DI DATARAN NILAI





UNIT INTEGRITI

Majlis Bandaraya Seremban

PIAGAM PELANGGAN
UNIT INTEGRITI

BIL.	PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
1.	Memberi maklumbalas aduan SISPAA kepada pengadu yang mempunyai maklumat untuk dihubungi.	3 hari bekerja

PUNCA KUASA PENUBUHAN UNIT INTEGRITI

JPA(BPO)(S)215/65/5 Jld.13 (8) No. Siri :

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2013

PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DI SEMUA AGENSI AWAM

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan menubuhkan Unit Integriti sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam.

LATAR BELAKANG

2. Sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan penting dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memantapkan integriti bagi menentukan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

1

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan Malaysia untuk menubuhkan Unit Integriti sebagai focal point kepada pengurusan berkaitan integriti di semua agensi awam.

Unit Integriti Majlis Bandaraya Seremban ditubuhkan pada tarikh pergabungan Majlis Perbandaran Seremban bersama Majlis Perbandaran Nilai yang dinaiktaraf menjadi Majlis Bandaraya Seremban pada 1 Januari 2020.

Unit Integriti telah ditempatkan di bawah Pejabat Datuk Bandar berkuatkuasa 1 Januari 2020. Di bawah penstrukturan semula organisasi seperti dalam surat edaran dalam rujukan MPS.PP.733/7332/2019

6 FUNGSI TERAS UNIT INTEGRITI



1. Tadbir Urus



2. Pengukuhan Integriti



3. Pematuhan Integriti



4. Pengurusan Aduan



5. Pengesanan dan Pengesahan



6. Tatatertib

1. Tadbir Urus

BIL	AGENSI	TARIKH
1	DBKL	4.2.2020
2	MBSA	12.2.2020
3	UiTM	10.2.2020
4	SPRM	13.2.2020
5	SUKNS	6.2.2020
6	UKT, SUKNS	23.1.2020















2. Pengukuhan Integriti

PENGANJURAN PROGRAM INTEGRITI

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) 2020	9 Disember 2020
2	Lawatan hormat SPRM dan YARM ke MBS	9 Disember 2020
3	Sesi tandatangan 'JANJI WARGA PBT' oleh Datuk Bandar	9 Disember 2020
4	Pelancaran Pelan Integriti MBS	9 Disember 2020
5	Poster Integriti dari SUK - Poster Anti Rasuah	Bulan Feb 2020
	Poster Akta Rahsia Rasmi	4 Mac 2020
6	Sebanyak 24 keping poster berkaitan integriti	
7	Sebanyak 4 keping poster berkaitan Covid-19	



3. Pematuhan Integriti

LAWATAN DAN PENAZIRAN

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Jabatan Kewangan, MBS	7 Feb 2020
2	Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan, MBS	7 Feb 2020
3	Unit Korporat dan Komunikasi (UKK)	13 Feb 2020
4	Jabatan Khidmat Pengurusan (JKP)	13 Feb 2020
5	Jabatan Komuniti, Perhubungan Dan Pelancongan (JKPAP)	13 Feb 2020
6	Kaunter Pertanyaan Di Lobi Wisma MBS	13 Feb 2020
7	Lawatan ke rumah Pegawai yang tak hadir bertugas di Taman Rusa, Port Dickson	8 Julai 2020
8	Penaziran dan lawatan bersama JUUP dan JPKP operasi pasar malam Labu dan Sendayan	21 Oktober 2020
9	Lawatan ke rumah Pegawai yang tak hadir bertugas di Taman Pelangi, Sikamat	22 Oktober 2020
10	Lawatan ke rumah Pegawai yang tak hadir bertugas di Forest Heights	23 Oktober 20



4. Pengurusan Aduan

JUMLAH ADUAN MENGIKUT SUMBER ADUAN BAGI TAHUN 2020	
MEMO	9
E-PUBLIC	11
SISPAA	4
BERSEMUKA	1
SURAT	1
TELEFON	3
AUDIT	0
MEDIA SOSIAL	1
JUMLAH	30

JUMLAH ADUAN IKUT BULAN TAHUN 2020	
JAN	0
FEB	2
MAC	0
APRIL	0
MEI	4
JUN	1
JULAI	9
OGOS	3
SEPTEMBER	1
OKTOBER	4
NOVEMBER	5
DISEMBER	1
JUMLAH	30

JUMLAH ADUAN IKUT JABATAN / UNIT BAGI TAHUN 2020	
JK	2
JKB	4
JKP	2
JKW	2
JKPK	8
JPMP	
JPP	
JPPH	1
JTMK	
JUUP	8
OSC	1
UAD	
UI	
UKK	
COB	1
Unit Parking	1
JUMLAH	30



4. Pengesanan dan Pengesahan

Senarai dokumen rujukan yang telah siap di dokumentasikan

NOTA RUJUKAN	
1	Nota Rujukan Ltt
2	Nota Rujukan Lrtt
3	Nota Rujukan Tak Hadir Tugas
4	Nota Rujukan Senarai Borang-borang Yang Digunakan Oleh Unit Integriti

DASAR UTAMA	
1	Dasar Pematuhan Plan Integriti MBS
2	Dasar Perlindungan Pengadu, Saksi Dan Pemberi Maklumat
3	Dasar Pelaksanaan Integriti Pact

SOP	
1	SOP LTT

GARIS PANDUAN	
1	Gp Pengurusan Aduan
2	Gp Siasatan
3	Garis Panduan Lawatan Dan Penaziran Yang Dibuat Secara Mengejut Atau Berjadual
4	Gp Pemyempurnaan Memo Atau Surat Ui
5	Gp Melaksanakan Tugas-tugas Am Oleh Kakitangan Ui
6	Gp Merancang, Melaksanakan Dan Melapor Program Anjuran Unit Integriti

UNIT OSC

Majlis Bandaraya Seremban

PIAGAM PELANGGAN
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC - ONE STOP CENTER)

BIL.	PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
1.	Menerima, menyemak dan mengedarkan permohonan pelan pembangunan yang diterima di Unit OSC ke agensi teknikal seperti ditetapkan oleh KPKT	3 hari bekerja
2.	Menyediakan dan mengeluarkan surat makluman keputusan mesyuarat kepada pemohon selepas Mesyuarat Jawatankuasa OSC diadakan	3 hari bekerja

Pengenalan

Unit Pusat Setempat (*OSC-One Stop Centre*) mula ditubuhkan pada April 2007 selaras dengan hasrat Kerajaan dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam khususnya dalam urusan berkaitan memproses permohonan kelulusan pelan pembangunan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Matlamat utama penubuhan Unit OSC adalah untuk mempercepatkan norma masa bagi tempoh yang diambil dan juga memudahcara dalam urusan memproses permohonan kelulusan pelan pembangunan. Selain itu, pelaksanaan Unit OSC juga bermatlamat untuk menyediakan satu sistem proses kerja yang seragam di kesemua PBT di Malaysia umumnya dan di Negeri Sembilan khususnya.

Dalam memastikan matlamat utama tersebut dapat dicapai Unit OSC dipandu melalui objektif yang berikut :

i. Menyelaras dan mempercepatkan proses kelulusan permohonan pembangunan tanah di PBT yang meliputi permohonan kebenaran merancang urusan tanah, kebenaran merancang pendirian bangunan, pelan infrastruktur (kerja tanah, ajalan perparitan dan lampu jalan), pelan bangunan, pelan landskap, pelan nama taman, jalan dan bangunan dan pelan-pelan lain yang berkaitan termasuklah urusan pengeluaran Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (*'Certificate Of Completion And Compliance'* - CCC).

ii. Memendekkan norma masa dan memudahcara proses permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan dan perakuan permohonan pembangunan tanah bagi konsep Bina Kemudian Jual (BKJ), Projek Impak Tinggi dan Pelaburan Asing serta Projek-Projek Kerajaan dalam tempoh empat (4) bulan dan di bawah konsep Jual Kemudian Bina (JKB) dalam tempoh enam (6) bulan.

iii. Menyeragamkan prosedur dan proses permohonan-permohonan kebenaan merancang, pelan bangunan dan permohonan pembangunan tanah dengan mengambilkira peruntukan-peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 172) dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Peranan dan fungsi utama Unit OSC dalam memastikan matlamat dan objektif penubuhannya dapat direalisasikan adalah melalui pelaksanaan peranan dan fungsi yang berikut:

i. Menyelaras Permohonan Kelulusan Pelan Pembangunan

- Menyelaras permohonan kelulusan permohonan kebenaran merancang;
- Menyelaras permohonan kelulusan permohonan pelan bangunan;
- Menyelaras permohonan kelulusan permohonan pelan kejuruteraan;
- Menyelaras permohonan kelulusan permohonan pelan landskap;

ii. Menyelaras Permohonan Pengeluaran Sijil CCC

- Menyelaras permohonan kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO) atau Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC);
- Menyelaras pengemukaan Notifikasi Mula Kerja
- Menyelaras pengemukaan Notifikasi Interim
- Menyelaras pengemukaan Notifikasi Akhir

iii. Mengurusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC

- Menyelaras agenda dan persediaan mesyuarat seperti surat panggilan mesyuarat, persediaan bilik mesyuarat dan senarai kertas perakuan;
- Menyelaras kertas perakuan, kertas dasar, kertas pemakluman dan lain-lain;
- Menyelaras maklumbalas ke atas perkara berbangkit;
- Penyediaan laporan status pelaksanaan sistem OSC secara berkala;
- Penyediaan minit mesyuarat dan pemakluman keputusan mesyuarat;

iv. Menyelaras Permohonan Pelan Pembangunan Melalui Sistem OSC 3.0Plus Online

- Menyelaras permohonan kelulusan permohonan kebenaran merancang;
- Menyelaras permohonan kelulusan permohonan pelan bangunan;
- Menyelaras permohonan kelulusan permohonan pelan kejuruteraan;
- Menyelaras permohonan kelulusan permohonan pelan landskap;

v. Menyelaras dan Pengemaskinian Maklumat Permohonan Melalui Portal OSC

- Mendaftarkan permohonan kelulusan pelan pembangunan ke dalam portal yang dibangunkan oleh pihak KPKT semasa permohonan diterima, diedar dan dibentang dalam mesyuarat;

vi. Menyelaras Pelaporan Status Pelaksanaan Sistem OSC


- Menyediakan pelaporan berkala kepada Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kerajaan Negeri secara berkala;
- Menyediakan pelaporan berkala kepada PLANMalaysia@Negeri Sembilan bagi pelaporan pelaksanaan dan maklumbalas dalam Jawatankuasa Perancang Negeri;
- Menyediakan pelaporan berkala untuk pelaporan dalam Mesyuarat Penuh MPN;
- Menyediakan maklumbalas kepada mana-mana Agensi dan Jabatan yang berkaitan dari semasa ke semasa.

Carta Organisasi Unit OSC

Unit OSC Majlis Bandaraya Seremban adalah Unit OSC PBT Kategori 1 dimana jumlah perjawatan yang disediakan oleh pihak KPKT adalah seramai 15 orang termasuk seorang Ketua Unit gred J48, seorang Pegawai OSC gred J41/44, 9 orang Penolong Pegawai gred JA29 (Jurutera Awam ,Penolong Pegawai Perancang Bandar, Penolong Pegawai Senibina), tiga orang Pembantu Tadbir gred N17/N19, dua orang Pembantu Operasi gred N11 dan seorang Pemandu H11 sepertimana rajah carta Organisasi berikut:

Carta Organisasi Unit OSC Majlis Bandaraya Seremban

Rajah 1 menunjukkan carta organisasi Unit OSC Majlis Bandaraya Seremban 2020.



Status Pelaksanaan Sistem OSC, Sepanjang Tahun 2020

i. Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa OSC

